



ROHANI ABDUL KARIM mewarnakan logo *Kafe@Teen* selepas merasmikan Pusat Transit Remaja *Kafe@Teen* di Putrajaya, semalam. – UTUSAN/RASHID MAHFIZ

Individu gagal lapor jenayah seksual kanak-kanak

Diheret ke mahkamah

Oleh JUANI MUNIR ABU BAKAR
pengarang@utusan.com.my

■ PUTRAJAYA 2 APRIL

INDIVIDU termasuk ibu bapa boleh diheret ke mahkamah dan didenda sebanyak RM5,000 sekiranya dianggap ber-sabuah kerana gagal melaporkan perbuatan jenayah seksual terhadap kanak-kanak kepada pihak berkuasa.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim berkata, perkara tersebut merupakan antara peruntukan hukuman dalam Rang Undang-Undang (RUU) Kesalahan Jenayah Seksual Kanak-Kanak 2017 yang bakal dibentangkan untuk bacaan kali kedua di Dewan Rakyat esok.

"Peruntukan hukuman ini diwujudkan bertujuan memberi amaran kepada pihak terlibat agar tidak berdiam diri terhadap perbuatan jenayah seksual melibatkan kanak-kanak."

"Malah, jika satu keluarga gagal melaporkan jenayah berkenaan, tiada seorang pun daripada mere-



Peruntukan hukuman ini diwujudkan bertujuan memberi amaran kepada pihak terlibat agar tidak berdiam diri terhadap perbuatan jenayah seksual melibatkan kanak-kanak."

ROHANI ABDUL KARIM
**Menteri Pembangunan Wanita,
Keluarga dan Masyarakat**

ka akan terlepas daripada dikenakan tindakan undang-undang," katanya dalam sidang akhbar selepas majlis perasmian Pusat Transit Remaja *Kafe@Teen* Putrajaya di sini hari ini.

Pada masa sama, Rohani mendekah, sebanyak 80 peratus pelaku jenayah seksual kanak-kanak adalah dalam kalangan keluarga terdekat antaranya datuk, bapa, adik-beradik dan bapa saudara.

Beliau menjelaskan, kes itu terus berleluasa kerana pihak yang mengetahui perbuatan tersebut menu-

tup mulut masing-masing kerana tidak mau menanggung malu dan ingin menjaga maruah keluarga.

"Selain itu, antara matlamat lain peruntukan undang-undang ini diketengahkan kerana sebelum ini kebanyakannya kes gagal dibawa ke muka pengadilan disebabkan kesukaran mendapatkan keterangan saksi.

"Saksi yang terdiri dalam kalanjan waris terdekat tidak mahu membuat laporan polis kerana mahu menjaga nama baik keluarga, akhirnya yang menjadi mangsa adalah kanak-kanak dan mereka terus sengsara selama-lamanya," katanya.

Sementara itu, Rohani berkata, Pusat Transit Remaja *Kafe@Teen* yang berperanan sebagai lokasi sementara bagi mengisi masa terluang remaja selepas sesi persekolahan telah mencapai sasaran penubuhannya.

Katanya, sejak ditubuhkan pada 2005, program turun padang pusat itu telah berjaya mendekati, sebanyak 563,108 remaja manakala 383,710 orang lagi telah mengambil bahagian dalam program dianjurkan.